

Pemberitaan Akhbar Kosmo dan Berita Harian: Analisis Kandungan ke atas Berita Siber

Kosmo and Berita Harian Pattern of Press Release: Content Analysis on Cyber News

Nurul Najihah Binti Azis
¹Muhammad Adnan Pitchan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

¹Correspondence: adnan86@ukm.edu.my

ABSTRAK

*Akhbar merupakan salah satu komponen yang berpengaruh dalam membantu masyarakat untuk mendapatkan pelbagai maklumat penting. Ia juga bertindak sebagai wadah untuk rakyat terus memberikan pendapat seperti kebanyakan negara di dunia, akhbar juga merupakan media cetak yang utama di Malaysia dan tergolong di dalam media yang tertua di dunia. Berita yang diterbitkan oleh sesebuah organisasi akhbar juga mempunyai implikasi, kerana berita boleh meluaskan fahaman dan pengaruh kepada pembaca terutamanya yang berhubungkait dengan isu-isu yang berat seperti berita siber. Berita siber merupakan berita yang mengupas isu-isu teknologi internet masa kini dengan pelbagai kes yang pernah dilaporkan. Corak pemberitaan dalam laporan berita memainkan peranan di dalam menentukan kuasa para wartawan semasa menulis sesuatu isu. Kajian ini berobjektif untuk melihat corak pemberitaan akhbar di dalam pemaparan berita siber mengikut pecahan tema yang dinilai. Antara tema yang dinilai ialah kekerapan pemaparan berita, lokaliti berita, ruangan penempatan berita, jumlah perenggan, jenis bahan berita, tujuan berita, kecenderungan berita, dan jenis berita siber. Kajian ini dijalankan mengikut kaedah kuantitatif yang menggunakan teknik analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang Jun 2018 Hingga November 2018. Hasil Kajian menunjukkan kekerapan pemaparan berita siber mengikut tema yang dinilai. Selain itu, perbandingan mendapati Kosmo lebih kerap memaparkan corak pemberitaan berita siber berbanding Berita Harian. **Kata kunci:** Corak pemberitaan, akhbar, analisis kandungan, pemaparan berita, berita siber*

ABSTRACT

The newspaper is one of the most influential components in helping the society to obtain a variety of important information. It also serves as a platform for the people to continue to give opinions like most countries in the world, the press is also a major print media in Malaysia and is one of the oldest media in the world. The news published by a press organization also has implications, as news can extend understanding and influence to readers especially those related to issues such as cyber news. Cyber news is a news story about today's internet technology issues with various cases reported. Reporting patterns in news reports play a role in determining the power of journalists while writing issues. This study is aimed to look at the pattern of newspaper coverage in cyber-news exposure according to the breakdown of the theme. Among the themes assessed were the frequency of news exposure, news localities, news placements, paragraphs, news items, news destinations, news trends, and types of cyber news. The study was conducted in quantitative methods using

content analysis techniques on the Kosmo press and Berita Harian throughout June 2018 Until November 2018. The results showed that the frequency of cyber-news was observed according to the assessed themes. Additionally, the comparison finds that Kosmo more often displays a pattern of news coverage than Berita Harian.

Keywords: *News patterns, newspapers, content analysis, news exposure, cyber news*

1. Pengenalan

Akhbar merupakan salah satu komponen yang berpengaruh di dalam membantu masyarakat untuk mendapatkan pelbagai maklumat penting. Ini menyebabkan pihak akhbar perlu mendidik dan membentuk ketajaman minda seseorang atau pun golongan sasaran bagi menyampaikan maklumat yang benar, Parimala (2018). Akhbar juga boleh dianggap mekanisme yang paling berkuasa dalam kehidupan masyarakat, Yassin (1986). Keunggulan akhbar terletak pada teknik bagaimana akhbar itu menyampaikan sesuatu fakta, hujah dan pendapat kepada masyarakat. Berbanding buku dan majalah, khalayak lebih ramai membaca akhbar kerana isu yang dikupas mengikut peredaran semasa adalah lebih kerap.

Akhbar juga berperanan di dalam mendidik masyarakat agar lebih cakna akan sesuatu isu. Ini berikutan akhbar merupakan antara media yang paling lama dan mempunyai jumlah khalayak yang ramai mengikuti perkembangannya. Walaupun kini media sosial kelihatan mula mengambil alih peranan akhbar dalam menyampaikan maklumat atau mengupas sesuatu isu, akhbar turut di transformasikan kepada sistem dalam talian. Khalayak kini hanya perlu melanggan berita 'online' dan tidak lagi perlu untuk membeli akhbar dan mudah digunakan. Dengan adanya berita di dalam talian ini, syarikat penerbitan akhbar akan terus mengemaskini berita terkini demi memberi pengetahuan kepada khalayak. Selain itu, organisasi akhbar juga turut mempunyai akaun media sosial agar dapat berkongsi berita terkini dengan para pengguna media sosial supaya mereka lebih cakna akan isu terkini yang sedang dibahaskan.

Akhbar pada masa kini seharusnya mengulas isu atau memaparkan tajuk-tajuk berita yang mampu menarik minat khalayak, khususnya remaja masa kini. Menurut Saxena (2006), tajuk berita yang menarik akan menyebabkan khalayak berminat untuk membaca keseluruhan kandungan surat khabar. Ini menunjukkan kerjaya di dalam bidangewartawanan memainkan peranan yang penting di dalam mendidik khalayak yang membaca akhbar secara langsung dan tidak langsung.

Berdasarkan Teori tanggungjawab sosial yang merujuk Empat Teori Akhbar Siebert, Peterson dan Schramm (1976), sistem media yang dikenali media massa, mempunyai kewajipan untuk memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat dalam melaksanakan fungsi penyebaran maklumatnya. Akhbar seharusnya menyumbang melalui maklumat di dalam berita seterusnya memberi kefahaman kepada khalayak mengenai isu-isu yang sedang dibahaskan. Apabila khalayak atau masyarakat membaca akhbar atau berita, mereka lebih berwaspada dengan perihal yang berlaku di persekitaran mereka. Kesan yang boleh dilihat daripada teori ini ialah masyarakat akan lebih terdidik dan lebih berwaspada apabila sedang berhadapan dengan sesuatu isu yang timbul di masa akan datang.

Menurut Johardy (2018), akhbar semakin kurang mendapat perhatian. Generasi milenium lebih cenderung untuk memiliki gajet seperti telefon pintar, komputer riba, tablet dan sebagainya. Mereka kurang gemar membaca buku, majalah, mahupun akhbar dan lebih meluangkan masa dengan melayari internet. Ini merupakan peluang yang sangat baik bagi organisasi akhbar untuk mengulas isu-isu siber bagi memberi pendedahan seterusnya mendidik khalayak agar lebih berhati-hati semasa berada di alam maya.

Sebagai contoh kes yang berada di bawah konteks isu siber, statistik kes buli siber yang berdasarkan kajian *Stop Cyberbullying 2017* di bawah program Digi Cybersafe, sekurang kurangnya satu dari dua belia telah mengakui bahawa telah mengalami pembulian siber di Malaysia. Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia telah mendedahkan 250 kes telah dilaporkan pada tahun 2012, 389 kes (2013), 291 kes (2014), 256 kes (2015) dan 338 kes (2016). Ini tidak termasuk kes-kes siber yang lain di mana turut menyumbang di dalam berita siber ini.

Dunia siber memudahkan khalayak lebih terpengaruh dan mudah diserang dengan pelbagai isu siber. Antaranya, buli siber, jenayah siber, penipuan telekomunikasi (Macau Scam, African Scam), penipuan dalam talian, penipuan kad kredit, kecurian identiti dan pencerobohan data. Masyarakat kini cuai dan leka apabila berhadapan dengan dunia siber dan tiada kesedaran menyebabkan jenayah siber terus terjadi. Akhbar perlu memperbanyakkan lagi kupasan isu dan pemaparan berita berkaitan jenayah siber agar dapat mendidik masyarakat agar lebih berhati-hati apabila menggunakan internet. Dengan lebih pemaparan berita siber di dalam akhbar, secara automatiknya pihak syarikat akhbar berjaya menerapkan teori tanggungjawab sosial didalam organisasi dan akhirnya dapat memujuk khalayak atau masyarakat agar lebih berhati-hati apabila berurusan dengan individu dari dunia siber.

Selain itu, corak pemberitaan yang berkesan adalah penting di dalam mendidik masyarakat kerana peranan akhbar itu sendiri seharusnya memberi informasi yang berguna bagi menyedarkan mereka. Seterusnya, pihak akhbar boleh menyumbang dari segi memperbaiki mutu penulisan akhbar dan terus berkhidmat di bawah konteks tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Menurut AdamsBloom dan Cleary (2009) berhubung teori tanggungjawab sosial dalam media dengan menegaskan bahawa prinsip tanggungjawab sosial digunakan untuk bagi menangani isu-isu yang benar, mampu mencapai objektif dan juga adil dalam setiap kandungan media. Kajian ini juga dijalankan agar dapat mengawal kes- kes yang melibatkan berita siber agar masyarakat lebih peka dan tidak terpengaruh dengan jenayah yang berlaku.

Akhbar juga digunakan sebagai alat untuk menyampaikan informasi dan perihal yang sedang berlaku di dalam kehidupan masyarakat setempat. Pengeluaran atau pemaparan corak pemberitaan berita siber dapat memenuhi tanggungjawab sosial bagi akhbar kerana mereka bukan sahaja mampu memberi pengetahuan, malah mendidik dan memujuk masyarakat agar lebih berwaspada dengan sesuatu isu dan jenayah yang sedang berlaku.

Corak pemberitaan dalam laporan berita memainkan peranan dalam menentukan kuasa para wartawan semasa menulis sesuatu isu. Patterson (2000) menyatakan fakta menjadi bahan utama di dalam masa yang sama tema digambarkan. Wartawan bertindak sebagai pemerhati jika corak penulisan bersifat deskriptif, manakala wartawan akan bertindak sebagai penganalisis jika keadaan sebaliknya berlaku. Ini menunjukkan corak penulisan juga merubah peranan seorang wartawan. Surat khabar merupakan alat yang digunakan sebagai penghubung diantara organisasi akhbar dengan masyarakat atau khalayak.

Tugas akhbar adalah menerbitkan berita yang berkaitan isu-isu terkini agar masyarakat tahu akan perihal sesuatu isu seterusnya dapat menjadikan masyarakat lebih berpengetahuan. Dengan adanya akhbar, masyarakat lebih cakna akan perihal sesuatu isu. Berita siber merupakan berita yang mengupas isu-isu teknologi internet masa kini. Penggunaan internet boleh membuka ruang terhadap perlakuan jenayah. Contohnya, laman sembang sosial di dalam dunia siber boleh dijadikan alat bagi pengintip siber kerana tidak terdapat had perkongsian maklumat dalam kalangan pengguna laman ini, termasuklah maklumat-maklumat peribadi.

Setiap kajian yang dilaksanakan akan menjadi salah satu sumbangan penambahbaikan atau idea baru terhadap golongan tertentu sekiranya ia berhasil dengan dapatan sempurna. Sumbangannya adalah lebih kepada masyarakat dan terutamanya kepada mereka yang sering

terdedah dengan internet dan teknologi canggih seperti gajet dan alat yang membolehkan mereka berbual di dunia maya. Dengan adanya kajian ini, mereka lebih didedahkan dengan bahana berita siber yang akan memberi kesan di dalam kehidupan seharian mereka. Masyarakat kini seharusnya tidak terlalu mendedahkan identiti mereka di dunia siber agar dapat mengelakkan perkara yang tidak diinginkan. Selain itu, masyarakat lebih memahami apakah itu berita siber dan mulai sedar akan permasalahan tersebut yang semakin menular. Ini juga dapat mendidik khalayak agar lebih berhati-hati, dan tidak akan menghadapi masalah yang berpunca dari kecuaiannya sendiri.

Selain sumbangan kepada masyarakat, ia juga memberi kepentingan kepada pihak akhbar khususnya. Dengan dapatan hasil kajian ini, ia memberi sumbangan kepada pihak akhbar untuk memperbaiki mutu penulisan akhbar dan terus berkhidmat di bawah kandungan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Hasil kajian ini juga diharapkan mampu menukarkan perkara negatif yang dilemparkan kepada pihak akhbar ke arah imej yang lebih positif supaya penambahbaikan boleh dilakukan pada masa yang akan datang. Pada masa yang sama, kajian ini dapat memberi kesedaran dan impak kepada masyarakat di negara ini kepada generasi yang akan datang.

Seperi kajian yang bertajuk transformasi corak penulisan berita dalam akhbar arus perdana oleh Mohd Zuwairi et al. (2016). Kajian tersebut membincangkan mengenai corak penulisan wartawan dari sudut penyampaian maklumat, lebih-lebih lagi berkaitan berita pilihan raya kecil. Corak penulisan memainkan peranan penting dalam meletakkan peranan wartawan dalam sesuatu posisi semasa menulis berita. Kajian ini menerangkan corak pemberitaan telah berubah sejak tahun 1930-an dan bermula di Amerika Syarikat. Kegawatan pada tahun 1930 memberi impak kepada dunia media di Amerika menurut Bonti, Harris-Fain dan Hipp (2015).

Pada 1980 di Amerika Syarikat, kebanyakan laporan berita telah bertukar kepada corak penulisan interpretif. Wartawan mula berubah secara perlahan-lahan menggunakan corak penulisan interpretif berikutan daripada pendekatan yang lebih bebas digunakan dalam penulisan berita mereka iaitu berita tersebut menerangkan apa yang telah berlaku dan menjelaskan mengapa ia telah berlaku. Dapatan kajian ini mendapati bahawa wartawan menerima corak penulisan interpretif sebagai salah satu sorak penulisan yang mampu memberikan analisis, gambaran dan makna di sebalik fakta. Penerimaan corak penulisan interpretif melalui dapatan kajian bersesuaian dengan definisi yang diberikan Salgado dan Stromback (2011). Corak penulisan interpretif memberi penekanan di sebalik fakta yang telah disahkan. Hasil dapatan juga menunjukkan perubahan kepada corak penulisan gabungan yang mempunyai elemen-elemen interpretif turut memberi kefahaman kepada khalayak selari dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji Stephen, Hugh dan Rachel (2014).

Selain itu, kajian pbingkaian isu-isu penapisan filem: polemik pemberitaan industri filem di Indonesia oleh Cindenia Puspasari pada tahun 2011 terbitan UKM. Kajiannya melihat pbingkaian yang dilakukan oleh kedua-dua akhbar kebangsaan Indonesia, iaitu *Republika* dan *Kompas* mengenai isu-isu penapisan filem yang menjadi polemik dalam pemberitaan akhbar yang bermula pada bulan Julai hingga Disember 2010. Beliau melihat isu ini perlu diambil kerana pengelibatannya pelakon asing yang ada di dalam industri perfileman dan LGBT (*Lesbian Gay Bisexual and Transsexual*) ini melalui filem yang menjadi cabaran bagi prestasi Lembaga Sensor Filem (LSF) sebagai penghalang bangsa Indonesia.

Berdasarkan dapatan kajian, kajian ini dikatakan menyokong beberapa kajian terdahulu yang menyebutkan pentingnya peranan penapisan ke atas filem sebagai penghadang yang mengawal identiti budaya tempatan yang dipengaruhi oleh budaya global. Filem dikatakan dapat mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku para penonton, ia juga dipercayai boleh memberikan pengaruh yang baik atau buruk kerana mudah dirakam di

dalam minda. Perkara ini dikatakan berpotensi membawa penyuburan ke atas tingkah laku seseorang individu apabila tidak ada pemilihan yang baik ke atas filem tersebut.

Menurut Rahma Hidayati di dalam kajiannya iaitu analisis semantik umum; pemberitaan teroris “image islam pada majalah Tempo dan Sabili menyatakan isu pengganasan yang muncul di dalam media massa lebih cenderung menggambarkan Islam sebagai pihak yang bertanggung jawab di atas setiap kejahatan yang terjadi. Pihak media tidak terlepas daripada realiti ini dan telah mewujudkan isu ini. Isu ini boleh menjadi positif mahupun negatif, sehingga pelbagai spekulasi yang timbul di dalam masyarakat merupakan hasil olahan media terhadap setiap berita yang dipaparkan.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan di mana analisis sub-sub kategori trikotomi yang diperkenalkan oleh Mohd Rajib (1984) dari sudut semantik umum, untuk melihat bagaimanakah corak pemberitaan teroris di dalam majalah Tempo dan Sabili terhadap imej Islam itu sendiri. Kajian ini mendapati bahwa Tempo cenderung menggunakan sumber berita yang diambil dari beberapa pihak yang tidak berpihak kepada Islam sehingga menyebabkan image Islam itu menjadi negatif. Manakala, Sabili berusaha untuk memperbaiki imej Islam dengan menggunakan kenyataan yang bersumber dari pihak yang ingin membela Islam. Kedua-dua majalah ini cenderung menggunakan pernyataan tanggapan tidak mempunyai asal usul dalam penggunaan subsub kategori trikotomi dari sudut semantik umum. Kajian- kajian ini menjadikan penyelidik ingin melihat corak pemberitaan ke atas berita siber di dalam negara. Berdasarkan perbincangan di atas, justeru kertas ini ditulis untuk membincangkan corak pemberitaan akhbar Kosmo dan Berita Harian ke atas berita siber.

2. Metod Kajian

Kaedah kajian yang dipilih untuk melakukan penyelidikan ini adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan teknik analisis kandungan. Kaedah ini digunakan untuk melihat dan membandingkan corak pemberitaan akhbar Kosmo dan Berita Harian ke atas berita siber. Proses menganalisis kandungan telah dilakukan dengan menggunakan borang kodan untuk menilai lapan tema utama. Iaitu kekerapan pemaparan berita, lokaliti berita, ruangan penempatan berita, jumlah perenggan, jenis bahan berita, kecenderungan berita dan jenis berita siber.

Penyelidik memilih dua jenis akhbar iaitu Kosmo dan Berita Harian. Penyelidik memilih akhbar Kosmo kerana organisasi tersebut kekal menjadi akhbar harian berbahasa Melayu yang paling laris di Malaysia untuk sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini berbanding akhbar yang lain. Akhbar terbitan Kumpulan Utusan sejak 2004 itu mencatatkan purata edaran harian bersih sebanyak 163,147 naskhah dari Jun hingga Disember tahun 2016 berbanding akhbar Berita Harian yang mencatatkan jualan ketiga tertinggi dengan 91,229 naskhah terjual sepanjang tempoh Jun hingga Disember 2016.

3. Hasil Kajian dan Perbincangan

JADUAL 1. Kekerapan Pemaparan Berita Siber mengikut Jenis Akhbar

Perkara	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Kosmo	97	56.1
Berita Harian	76	43.9
Jumlah	173	100

Jadual 1 menunjukkan kekerapan pemaparan berita siber mengikut jenis akhbar. Jadual di atas menunjukkan akhbar Kosmo lebih kerap memaparkan corak pemberitaan berita siber dengan kekerapan 97 berbanding Berita Harian yang hanya memaparkan kekerapan 76

sahaja. Ini menjadikan peratusan kekerapan akhbar Kosmo memaparkan berita siber adalah 56.1 peratus dan lebih tinggi berbanding Berita Harian yang hanya menunjukkan 43.9 peratus sepanjang enam bulan akhbar ini dicetak dan dijual kepada umum. Analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian mendapati sebanyak 173 berita siber telah dipaparkan akhbar Kosmo dan Berita Harian sepanjang tempoh enam bulan ia diterbitkan. Data yang diambil hanyalah berdasarkan berita siber dan isu-isu semasa.

JADUAL 2. Kekerapan Pemaparan Berita Siber mengikut Jenis Akhbar dan Bulan

Perkara Tahun 2018	Kosmo		Berita Harian	
	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jun	16	16.5	11	14.5
Julai	12	12.4	20	26.3
Ogos	11	11.3	11	14.5
September	20	20.6	8	10.5
Oktober	20	20.6	10	13.2
November	18	18.6	16	21
Jumlah	97	100	76	100

Jadual 2 menunjukkan kekerapan pemaparan berita siber mengikut jenis akhbar dan bulan. Hasil kajian mendapati Kosmo lebih kerap memaparkan berita siber berbanding Berita Harian. Kosmo menunjukkan kekerapan 97 manakala kekerapan bagi berita Harian adalah 76. Bulan paling kerap memaparkan berita siber bagi Kosmo adalah September dan Oktober dengan kekerapan 20 bersamaan 20.6 peratus. Bagi Berita Harian, pemaparan berita siber paling tinggi adalah pada bulan Julai dengan kekerapan 20 bersamaan 26.3 peratus. Kekerapan terendah bagi Kosmo adalah pada Bulan Ogos dengan kekerapan 11 bersamaan 11.3 peratus, manakala kekerapan terendah bagi Berita Harian adalah bulan September dengan kekerapan 8 bersamaan 10.5 peratus.

Kosmo kelihatan konsisten apabila mengeluarkan pemaparan berita siber yang sama banyak selama dua bulan iaitu September dan Oktober dengan nilai kekerapan 20 tetapi agak menurun sedikit pada bulan November dengan kekerapan 18 bersamaan 18.6 peratus. Bagi bulan Oktober dan November 2018, peningkatan pemaparan berita siber yang diterbitkan Berita Harian dengan kekerapan 10 dan 16 berbanding kekerapan 8 pada bulan September. Merujuk jadual 1, Kosmo lebih kerap memaparkan pemaparan berita siber berbanding Berita Harian sepanjang 6 bulan akhbar tersebut diterbitkan sepanjang Jun hingga November 2018.

Tema seterusnya membincangkan mengenai lokaliti berita siber di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Lokaliti adalah di mana lokasi berita siber itu dikeluarkan atau jenayah siber dilaporkan. Ini untuk melihat seberapa kerap sesuatu isu siber diperbahaskan, dikupas dan dipaparkan di dalam akhbar di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

JADUAL 3. Lokaliti Berita Siber di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Kekerapan (f)	Peratus (%)	
Antarabangsa	24	24.7	6	7.9	30
Nasional	73	75.3	70	92.1	143
Jumlah	97	100	76	100	173

Jadual 3 menunjukkan lokaliti berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Lokaliti berita bertujuan untuk melihat kekerapan berita siber di peringkat nasional atau antarabangsa. Jumlah keseluruhan bagi lokaliti berita siber menunjukkan kekerapan 173. Keseluruhan

jumlah kekerapan berita siber di peringkat nasional mempunyai kekerapan 143 dan lebih tinggi berbanding peringkat antarabangsa dengan kekerapan 30.

Di peringkat antarabangsa, berita siber lebih memaparkan berita yang berkaitan aplikasi media sosial, tetapi ia lebih bersifat kepada berita siber. Analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian menunjukkan antara kes yang terlibat adalah penyalahgunaan internet, pencerobohan data, dan isu-isu semasa. Di peringkat nasional, berita siber yang dipaparkan adalah lebih berkaitan dengan isu-isu semasa dan ia lebih kepada hal-hal yang berlaku di dalam negara.

Tema selanjutnya adalah berkaitan ruangan penempatan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Ruang penempatan berita bermaksud ruang di muka surat yang manakah berita-berita siber ini diletakkan di dalam sesebuah akhbar. Ruang penempatan berita di dalam akhbar turut penting kerana sebuah berita dianggap penting jika ia diletakkan di bahagian awal muka surat berbanding di muka surat belakang.

JADUAL 4. Ruang Penempatan Berita di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara Bilangan Muka Surat	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Kekerapan (f)	Peratus (%)	
Muka depan	5	5.2	1	1.3	6
2 hingga 10	28	28.9	10	13.2	38
11 hingga 20	40	41.2	17	22.4	57
21 hingga 30	0	0	13	17.1	13
30 dan ke atas	24	24.7	35	46	59
Jumlah	97	100	76	100	173

Jadual 4 menunjukkan ruangan penempatan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Ruang penempatan berita Kosmo lebih tinggi dengan kekerapan 97 berbanding Berita Harian dengan kekerapan 76. Kosmo mencatatkan ruangan penempatan berita tertinggi dengan kekerapan 40 bersamaan 41.2 peratus pada bilangan muka surat 11 hingga 20. Tetapi, Kosmo juga mencatatkan kekerapan 0 pada bilangan muka surat 21 hingga 30. Berita Harian menunjukkan muka surat 30 dan ke atas merupakan kekerapan tertinggi dengan kekerapan 35 bersamaan 46 peratus manakala muka depan merupakan kekerapan paling rendah dengan kekerapan 1 bersamaan 1.3 peratus. Penempatan berita di muka surat 30 dan ke atas merupakan kekerapan tertinggi bagi gabungan antara Kosmo dan Berita Harian dengan kekerapan 59.

Berdasarkan jadual di atas, apabila digabungkan jumlah keseluruhan ruangan penempatan berita di muka surat depan hingga 20, menunjukkan kekerapan 101 berbanding di muka surat 21 hingga 30 dan ke atas dengan kekerapan 72. Ini menunjukkan akhbar Kosmo dan Berita Harian kerap meletakkan berita siber di awal muka surat berbanding meletakkan di bahagian belakang akhbar. Analisis kandungan ke atas Kosmo dan Berita Harian menunjukkan akhbar meletakkan isu siber di bahagian hadapan supaya dapat mendidik masyarakat melalui pemaparan berita siber di dalam akhbar dengan kupasan yang lebih mendalam untuk masyarakat memahami dengan lebih baik dan mengambil iktibar daripada kes-kes yang telah terjadi.

Tema seterusnya adalah berkaitan dengan jumlah perenggan di dalam penulisan sesebuah isu atau berita di dalam akhbar yang diterbitkan. Setiap perenggan di dalam sesebuah penulisan berita itu juga penting kerana dengan penulisan tersebut mampu untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat, info-info baru yang mampu memberi manfaat, dan pengupasan sesuatu isu agar dapat memujuk masyarakat agar terus berwaspada dari perkara-perkara yang negatif. Selain itu, ia juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat agar lebih peka akan sesuatu isu siber yang sering berlaku kini.

JADUAL 5. Jumlah Perenggan Berita di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara Perenggan	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Kekerapan (f)	Peratus (%)	
1 hingga 5	15	15.5	6	8	21
6 hingga 10	56	57.7	26	34.2	82
11 hingga 15	19	19.6	33	43.4	52
16 hingga 20	2	2.1	2	2.6	4
21 dan ke atas	5	5.1	9	11.8	14
Jumlah	97	100	76	100	173

Jadual 5 menunjukkan jumlah perenggan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Jumlah perenggan berita. Kosmo lebih tinggi dengan kekerapan 97 berbanding Berita Harian dengan kekerapan 76. Kosmo mencatatkan jumlah perenggan berita tertinggi dengan kekerapan 56 bersamaan 57.7 peratus pada 6 hingga 10 perenggan. Jumlah perenggan berita paling rendah di dalam Kosmo adalah 16 hingga 20 perenggan dengan kekerapan 2 bersamaan 2.1 peratus. Kekerapan tertinggi jumlah perenggan berita di dalam Berita Harian adalah pada 11 hingga 15 perenggan dengan kekerapan 33 bersamaan 43.3 peratus. Manakala kekerapan terendah adalah kekerapan 2 bersamaan 2.6 peratus di perenggan 16 hingga 20.

Jumlah perenggan berita 6 hingga 10 merupakan kekerapan tertinggi bagi gabungan antara Kosmo dan Berita Harian dengan kekerapan 82. Berdasarkan jadual, jumlah perenggan berita yang dipaparkan, 1 hingga 10 perenggan mempunyai kekerapan 103 berbanding berita yang mempunyai 11 hingga 21 perenggan dan keatas dengan kekerapan 70. Analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian menunjukkan akhbar kerap mempamerkan berita siber yang mempunyai 1 hingga 10 perenggan berbanding 11 perenggan dan ke atas.

Tema seterusnya adalah berkaitan dengan jenis bahan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian di mana ingin melihat adakah perkara lain yang menjadi penghubung diantara pihak akhbar dan masyarakat dengan pihak akhbar memberikan pengetahuan kepada masyarakat. Jenis bahan berita yang digunakan akhbar untuk menjadi wadah kepada rakyat bagi mendapatkan informasi secara terus menerus. Apakah jenis bahan berita yang digunakan untuk memberi gambaran yang lebih jelas kepada masyarakat tentang sesuatu isu siber yang dipaparkan.

JADUAL 6. Jenis Bahan Berita di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Kekerapan (f)	Peratus (%)	
Teks	90	92.8	73	96.1	163
Gambar warna	6	6.2	2	2.6	8
Gambar Hitam Putih	1	1.0	0	0	1
Karikatur	0	0	1	1.3	1
Jumlah	97	100	76	100	173

Berdasarkan jadual 6 menunjukkan jenis bahan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Keseluruhan Kosmo menunjukkan kekerapan 97 berbanding Berita Harian yang menunjukkan kekerapan 76. Jenis bahan berita berasaskan teks mempunyai kekerapan tertinggi bagi akhbar Kosmo dan Berita Harian. Kosmo dengan kekerapan 90 bersamaan 92.8 peratus manakala Berita Harian menunjukkan kekerapan sebanyak 73 bersamaan 96.1 peratus. Kekerapan 163 bagi jumlah keseluruhan bagi teks sebagai jenis bahan berita

berbanding gambar warna, gambar hitam putih atau karikatur. Jumlah keseluruhan bagi gambar warna menunjukkan kekerapan 8 manakala gambar hitam putih dan karikatur menunjukkan kekerapan 1.

Analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian mendapati jenis bahan berita berasaskan teks menunjukkan kekerapan tertinggi bagi kedua-dua akhbar. Namun, ada juga gambar yang disertakan di dalam teks tersebut, cuma tidaklah sekerap berita yang memaparkan teks sahaja. Ini menunjukkan teks merupakan bahan yang terbaik bagi akhbar untuk memberitahu atau mendedahkan kepada masyarakat mengenai isu-isu siber yang sedang berlaku pada ketika itu. Tema ini ingin melihat dengan lebih menyeluruh akan kekerapan akhbar dalam menyampaikan berita atau sesuatu isu kepada masyarakat dengan menggunakan bahan berita yang sesuai agar masyarakat lebih jelas akan sesuatu berita yang dipaparkan.

Tema seterusnya, tujuan sesuatu berita itu wujud di dalam akhbar adalah untuk memberitahu masyarakat mengenai kejadian di sekeliling dan isu-isu semasa apa yang sedang berlaku. Ia juga berperanan di dalam menjelaskan sesuatu isu agar masyarakat lebih bersatu padu. Selain itu, akhbar juga mempunyai tujuan untuk memujuk khalayak agar tidak terpengaruh dengan jenayah sedia ada yang semakin berleluasa. Akhbar juga boleh menghujah sesuatu isu agar manusia lebih berfikir dengan lebih baik dan mengambil iktibar daripadanya.

JADUAL 7. Tujuan Berita di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratus (%)	Kekerapan (f)	Peratus (%)	
Memberitahu	47	48.4	40	52.6	87
Menjelaskan	31	32	22	28.9	53
Memujuk	4	4.1	2	2.6	6
Menghujah	15	15.5	12	15.8	27
Jumlah	97	100	76	100	173

Berdasarkan jadual 7 menunjukkan tujuan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Jadual menunjukkan kekerapan tertinggi dengan kekerapan 97 berbanding Berita Harian yang menunjukkan kekerapan 76. Kosmo menunjukkan kekerapan tertinggi bagi tujuan berita iaitu bertujuan memberitahu dengan kekerapan 47 bersamaan 48.4 peratus, manakala jumlah kekerapan terendah bagi tujuan berita iaitu bertujuan memujuk dengan kekerapan 4 bersamaan 4.1 peratus. Bagi akhbar Berita Harian menunjukkan kekerapan tertinggi adalah memberitahu dengan kekerapan 40 bersamaan 52.6 peratus, manakala kekerapan terendah adalah memujuk dengan kekerapan 2 bersamaan 2.6 peratus.

Dari jumlah keseluruhan pula, menunjukkan tujuan berita iaitu memberitahu mempunyai kekerapan tertinggi dengan kekerapan 87. Manakala memujuk pula merupakan nilai kekerapan terendah dengan kekerapan 6. Analisis kandungan ke atas akhbar kosmo dan Berita Harian mendapati tujuan sesuatu berita atau isu di dalam akhbar memerlukan gaya penulisan yang mempunyai tujuan untuk memberitahu kepada khalayak, di samping memujuk dan terus memberikan hujah yang terbaik agar dapat meningkatkan kesedaran di kalangan khalayak mengenai isu yang dibahaskan.

Tema selanjutnya adalah berikutan kecenderungan berita di dalam sesebuah berita ataupun akhbar. Ia menentukan apakah yang tertakluk kepada sesebuah berita dengan kecenderungan berita tersebut. Adakah berita yang ditulis mempunyai elemen yang positif, ataupun negatif. Adakan sesebuah cerita itu juga mempunyai elemen neutral atau lebih dikenali sebagai tidak menyokong mana-mana pihak ataupun kecenderungan sesebuah berita itu seimbang

JADUAL 8. Kecenderungan Berita di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratusan (%)	Kekerapan (f)	Peratusan (%)	
Positif	8	8.3	10	13.2	18
Negatif	50	51.5	50	65.8	100
Neutral	17	17.5	11	14.5	28
Seimbang	22	22.7	5	6.5	27
Jumlah	97	100	76	100	173

Berdasarkan jadual 8 menunjukkan kecenderungan berita di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Jumlah keseluruhan bagi Kosmo adalah dengan kekerapan 97 berbanding Berita Harian dengan kekerapan 76. Kosmo menunjukkan kecenderungan berita ke arah negatif mempunyai kekerapan tertinggi dengan kekerapan 50 bersamaan 51.5 peratus. Kekerapan terendah adalah berita positif dengan kekerapan 8 bersamaan 8.3 peratus. Berita Harian menunjukkan kekerapan tertinggi iaitu berita negatif dengan kekerapan 50 bersamaan 65.8 peratus dan mencatatkan kekerapan terendah yang memiliki kecenderungan berita ke arah seimbang dengan nilai kekerapan 5 bersamaan 6.5 peratus.

Ini menjadikan berita siber yang cenderung kearah negatif mempunyai jumlah keseluruhan yang tinggi dengan kekerapan 100. Kecenderungan berita ke arah seimbang juga mencatatkan kekerapan terendah bagi jumlah keseluruhan dengan kekerapan 27. Tema ini adalah untuk melihat kekerapan mengenai kecenderungan berita siber yang dipaparkan di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian mendapati kecenderungan berita bersifat negatif mempunyai kekerapan tertinggi berikutan terdapat pelbagai kes yang melibatkan mangsa penipuan telekomunikasi seperti Scam, Macau Scam, African Scam dan Love Scam.

Tema terakhir adalah jenis jenis berita siber di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Kajian ini telah memilih untuk menggunakan 7 kategori utama dan satu kategori lain-lain. Antaranya, buli siber, kecurian identiti, pencerobohan data, pinjaman tak wujud, penipuan kad kredit, penipuan telekomunikasi, penipuan dalam talian dan lain-lain. Ini adalah untuk melihat sejauhmanakah jenayah siber telah mempengaruhi masyarakat dan adakah masyarakat sedar akan keburukan yang boleh didapati daripada internet. Perhubungan tanpa sempadan, terbuka untuk dicuri identiti, penggodam data semakin hari semakin di fasa membimbangkan. Melalui jadual ini, dapat melihat apakah perkara lain yang mampu mengganggu masyarakat masa kini dengan jenayah siber yang sering berlaku.

Jadual 9 menunjukkan jenis berita siber di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian. Kosmo menunjukkan kekerapan tertinggi dengan kekerapan 97 berbanding Berita Harian dengan kekerapan 76. Jenis berita siber yang melibatkan penipuan telekomunikasi mempunyai kekerapan tertinggi bagi kosmo dengan kekerapan 42 bersamaan 43.3 peratus. Bagi akhbar Berita Harian pula menunjukkan kes yang sama mempunyai kekerapan tertinggi dengan kekerapan 38 bersamaan 50 peratus. Ini menjadikan kekerapan penipuan telekomunikasi mempunyai jumlah keseluruhan yang tertinggi dengan kekerapan 80.

Kekerapan kedua tertinggi adalah dibawah berita lain-lain. Lain-lain adalah kes seperti pornografi, jenayah siber, serangan siber dan isu-isu semasa yang masih berada di bawah konteks berita siber. Kosmo mencatatkan kekerapan 36 bersamaan 37.1 peratus manakala Berita Harian mencatatkan kekerapan 25 bersamaan 32.9 peratus di bawah jenis berita siber. Kekerapan ketiga tertinggi adalah jenis berita siber yang melibatkan kes pencerobohan data. Pencerobohan data mencatatkan kekerapan 10 bersamaan 10.3 bagi akhbar Kosmo, manakala Berita Harian mencatatkan kekerapan 6 bersamaan 7.9 peratus.

JADUAL 9. Jenis Berita Siber di dalam Akhbar Kosmo dan Berita Harian

Perkara	Kosmo		Berita Harian		Jumlah
	Kekerapan (f)	Peratusan (%)	Kekerapan (f)	Peratusan (%)	
Buli Siber	2	2.1	1	1.3	3
Kecurian Identiti	1	1	0	0	1
Pencerobohan					
Data	10	10.3	6	7.9	16
Pinjaman Tidak	2	2.1	2	2.6	4
Wujud					
Penipuan Kad	1	1	0	0	1
Kredit					
Penipuan	42	43.3	38	50	80
Telekomunikasi					
Penipuan Dalam	3	3.1	4	5.3	7
Talian					
Lain-lain	36	37.1	25	32.9	61
Jumlah	97	100	76	100	173

Di tangga keempat, merupakan penipuan dalam talian yang menunjukkan kekerapan 3 bersamaan 3.1 peratus bagi akhbar Kosmo. Bagi Berita Harian pula, menunjukkan kekerapan 4 bersamaan 5.3 peratus. Jenis berita siber seperti buli siber, kecurian identiti, pinjaman tak wujud dan penipuan kad kredit tidak dipaparkan kerana kurang isu hangat bagi kes-kes ini. Analisis kandungan ke atas akhbar Kosmo dan Berita Harian mendapati penipuan telekomunikasi merupakan salah satu jenayah yang semakin tular kini. Sindiket penipuan yang menipu orang ramai menggunakan telefon atau internet untuk memperdaya mangsa dengan penipuan seperti Macau scam, African scam, Love scam dan banyak lagi.

4. Kesimpulan

Secara ringkasnya, memperbesarkan sesuatu isu dengan mencetuskan berita sensasi secara berlebihan hanya ingin menarik minat khalayak akan membuatkan masyarakat lebih bimbang dan takut mengenai kandungan yang dipaparkan akhbar, menurut pendapat Nurul dan Faridah (2012). Berita yang diterbitkan oleh akhbar juga mempunyai implikasi, kerana berita boleh meluaskan fahaman dan pengaruh ke atas pembaca terutamanya yang berkait dengan masalah isu-isu yang berat seperti berita siber.

Di samping itu, hasil kajian mendapati Kosmo lebih kerap memaparkan corak pemberitaan berita siber berbanding Berita Harian dengan 56.1 peratus berbanding 43.9 peratus. Kekerapan lokaliti berita siber di peringkat nasional lebih tinggi berbanding di peringkat antarabangsa dengan nilai kekerapan 143 bersamaan 82.7 peratus berbanding kekerapan 30 bersamaan 17.3 peratus. Ruangan penempatan berita pula menunjukkan pemberitaan berita dengan kekerapan tertinggi pada halaman 11 hingga 20 muka surat dengan nilai kekerapan 57 bersamaan 32.9 peratus. Jumlah perenggan berita 6 hingga 10 perenggan. menunjukkan kekerapan tertinggi dengan kekerapan 82 bersamaan 47.4 peratus.

Bagi jenis bahan berita di dalam akhbar menunjukkan pemaparan teks paling kerap digunakan sebagai cara penyampaian berita kepada para pembaca akhbar dengan kekerapan 163 bersamaan 94.2 peratus. Kekerapan tujuan sesuatu berita itu ditulis adalah untuk memberitahu masyarakat mengenai isu-isu semasa mengenai siber dengan nilai kekerapan 87 bersamaan 50.3 peratus. Kecenderungan berita pula berpihak kepada berita siber yang bersifat negatif dengan jumlah kekerapan 100 bersamaan 57.8 peratus. Akhir sekali, Jenis

berita siber di dalam akhbar Kosmo dan Berita Harian yang mempunyai kekerapan yang tertinggi ialah penipuan telekomunikasi dengan kekerapan 80 bersamaan 46.2 peratus.

Selain itu, akhbar pada masa kini perlu mempelbagaikan cara penyampaian sesuatu berita kerana masyarakat kini kurang gemar untuk membaca. Akhbar seharusnya menjadi alat yang mampu memberitahu dan menjelaskan kepada masyarakat mengenai bahana akan serangan siber. Ia juga berperanan sebagai alat memujuk masyarakat dengan hujah-hujah bernas agar lebih berhati-hati dengan setiap aktiviti yang dilakukan di alam siber kerana ia boleh mendatangkan keburukan kepada kita di masa yang akan datang jika masyarakat kurang memberi perhatian.

Sejauhmanakah kajian ini boleh menyumbang sesuatu kepada masyarakat adalah dengan cara pendedahan mengenai berita siber dapat menjadikan masyarakat lebih berpengetahuan, dan lebih terdedah dengan kes-kes jenayah siber. Diharapkan kajian ini dapat memahami dengan lebih mendalam apakah yang dikatakan berita siber itu sendiri. Bagi akhbar pula, boleh menggunakan penyelidikan ini untuk ingin lebih memainkan peranan penting dan terus mendidik masyarakat agar menjadi lebih baik. Di peringkat negara, diharapkan kes jenayah di bawah konteks berita siber dapat dikurangkan dan dikawal dengan baik. Seterusnya, menjadikan rakyat di negara ini untuk tidak terjerumus dan terpengaruh terhadap sebarang jenayah siber dengan mudah.

Cadangan di masa akan datang, diharapkan pihak akhbar akan lebih memaparkan corak pemberitaan berita siber dengan lebih kerap agar masyarakat lebih cakna akan setiap isu yang sedang berlaku. Selain itu, akhbar perlu meletakkan berita siber di muka hadapan berbanding di muka surat belakang agar masyarakat lebih memandang serius akan setiap kes yang berlaku. Akhbar juga boleh mempelbagaikan cara untuk menyampaikan sesuatu berita di dalam akhbar dengan meletakkan lebih gambar atau karikatur untuk menarik minat masyarakat untuk mengetahui dengan lebih mendalam akan berita siber. Justeru, boleh dinyatakan secara keseluruhan, akhbar masih perlu menambahbaik corak pemberitaan akhbar di bawah kandungan berita siber agar masyarakat lebih berpengetahuan untuk mengelakkan dari menjadi mangsa penipuan jenayah siber.

Rujukan

- AdamsBloom & Cleary. (2009). Staking a Claim for Social Responsibility: An Argument for the Dual Responsibility Model. *The International Journal on Media Management*, 11, 1-8.
- Bondi, V., Harris-Fain dan Hipp. (2015). Bondi, V., Harris-Fain, D., & Hipp, J. W. (1995). Media. In V. Bondi (Ed.), *American Decades 1930-1939* (340–380). Topeka, Kansas: Gale Research Inc.
- Cindenia Puspasari. (2011). *Pembingkaian isu-isu penapisan: Polemik Pemberitaan Industri Filem di Indonesia*. UKM.
- Johardy Ibrahim. (2018). *Generasi milenium lebih cenderung untuk memiliki gajet*. Kosmo.
- Mohd Rajib Ab Ghani. (1984). *Semantic Analysis of objectivity in two Malaysia News Paper*. Dalam Faridah Ibrahim & Chau Pao Ling. 1997. *Analisis Semantik Objektifiti Citra Ahli Politik Wanita Tempatan*. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 13&14, 73.
- Nurul & Faridah. (2012). *Berita etnik dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia*. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 28 (2). 95-112.
- Parimala. (2018). *Analisis pemingkaian tajuk berita jenayah dalam Bahasa Melayu dan terjemahannya kedalam Bahasa Tamil / Parimala Gunasekaran*. Masters thesis, University of Malaya.
- Patterson. (2000). *The United States: News in a free-market society*. In R. Gunther & A. Mughan (Eds.), *Democracy and the Media: A Comparative*

- Salgado dan Stromback. (2011). Intrepretive journalism: A review of concepts, operationalizations and key findings. *Journalism*, 13(2), 144–161.
- Saxena. (2006). Prevention of mental and behavioural disorders: implications for policy and practice. Feb; 5(1):5-14.
- Siebert, Peterson & Schramm. (1976). *Four Theories of the Press: Authoritarian, Libertarian, Social Responsibility and Soviet Communist Concepts of What the Press Should Be and Do*. Urbana: University of Illinois
- Stephen, Hugh dan Rachel. (2014). Comparing levels of mediatization in television journalism: An analysis of political reporting on US and UK evening news bulletins. *The International Communication Gazette*, 1–21.
- Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia. (2017). *Stop Cyberbullying Campaign kerjasama Digi Cybersafe*.
- Yassin. (1986). *Etika dan Wartawan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor.
- Zuwairi Mat Saad, Normah Mustaffa, Abdul Latiff Ahmad & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2016). *Transformasi corak penulisan berita dalam akhbar arus perdana Malaysia*.